



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبدالله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**

**PROSEDUR PENGURUSAN VPN & *REMOTE*
ACCESS**

(UMPSA-ISMS-P2-023)

ISO/IEC 27001:2022



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS

KANDUNGAN

1.0	OBJEKTIF	1
2.0	SKOP	1
3.0	RUJUKAN	1
4.0	DEFINISI	1
5.0	KELAYAKAN AKAUN VPN	2
6.0	PROSES	2
7.0	CARTA ALIR PENGURUSAN AKAUN VPN	5
8.0	LAMPIRAN	6
9.0	REKOD PINDAAN DOKUMEN	6



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS

1.0 OBJEKTIF

Panduan ini bertujuan untuk dijadikan rujukan tatacara pengurusan akaun VPN & Remote Access di UMPSA.

2.0 SKOP

Panduan ini digunapakai oleh JK ISMS UMPSA dalam menguruskan akaun VPN & Remote Access bagi akses ke perkhidmatan ICT di UMPSA.

3.0 RUJUKAN

- a) PKS - A.2.2.2 Telekerja (Teleworking)
- b) PKS - A.7.1.5 Bekerja di Kawasan Selamat (Working in Secure Area)

4.0 DEFINISI

Penyataan	Definisi
Pelaksana ICT	Staf yang bertanggungjawab melaksanakan tugas ICT yang berkaitan
Perkhidmatan ICT	Kemudahan ICT bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pentadbiran dan pembangunan warga UMPSA
Pihak Ketiga	Pihak luar yang berurusan dengan pihak UMPSA
Terminal Khas	Terminal khas adalah seperti laptop, pc atau apa-apa perkakasan yang boleh digunakan untuk dipasang dengan sistem operasi dan perisian <i>remote</i> .
Perisian <i>remote</i>	Aplikasi yang dipasang pada terminal khas dan terminal pihak ketiga bagi membolehkan akses <i>remote</i> dijalankan.
Pengurus ICT	Gred F12-A ke atas di UMPSA / staf yang mengetuai bahagian yang bertanggungjawab.
Pentadbir Rangkaian UMPSA	Staf yang dipertanggungjawabkan bagi pentadbiran rangkaian di Pusat Teknologi Digital UMPSA



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS

5.0 KELAYAKAN AKAUN VPN

Kelayakan akaun VPN di UMPSA adalah seperti kategori pengguna di bawah :

- Pelaksana ICT

6.0 PROSES

6.1 Permohonan VPN oleh Pelaksana ICT

- 6.1.1 Permohonan akaun VPN perlu dibuat oleh Pelaksana ICT tetapi terhad kepada operasi rangkaian, pelayan, pangkalan data, infrastruktur ICT dan pembangun sistem aplikasi di UMPSA sahaja.
- 6.1.2 Permohonan akaun VPN perlu menggunakan borang permohonan akaun VPN melalui borang yang akan disediakan oleh pentadbir rangkaian UMPSA.
- 6.1.3 Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dan dilampirkan kepada Pengurus ICT yang bertanggungjawab melalui emel atau surat bagi tujuan kelulusan.
- 6.1.4 Permohonan akaun vpn perlu di perbaharui mengikut polisi tempoh yang ditetapkan.

6.2 Capaian Oleh Pelaksana ICT

- 6.2.1 Capaian oleh pelaksana ICT UMPSA adalah terhad kepada sistem yang hendak di akses sahaja atau mengikut deskripsi tugas semasa.
- 6.2.2 Tempoh masa yang ditetapkan tidak melebihi setahun.
- 6.2.3 Untuk tempoh melebihi setahun, pelaksana ICT perlu membuat pembaharuan permohonan (*account renewal*) dengan kelulusan Pengurus ICT



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & *REMOTE ACCESS*

6.3 Capaian Oleh Pihak Ketiga Ke Perkhidmatan ICT di UMPSA

Pihak ketiga tidak dibenarkan mempunyai akaun VPN. Jika mempunyai keperluan untuk akses ke perkhidmatan ICT di UMPSA, pihak ketiga perlu berurusan dengan pelaksana ICT yang bertanggungjawab menguruskan skop yang berkaitan.

6.3.1 Tanggungjawab Pelaksana ICT

- 6.3.1.1 Pelaksana ICT perlu memastikan pihak ketiga mematuhi dasar & prosedur yang telah ditetapkan untuk menjalankan kerja di UMPSA.
- 6.3.1.2 Pelaksana ICT perlu menyediakan terminal khas yang di pasang dengan perisian *remote* dan mempunyai akaun VPN yang aktif bagi membolehkan pihak ketiga akses ke perkhidmatan ICT di UMPSA.
- 6.3.1.3 Pelaksana ICT perlu membuat kawalan terhadap terminal khas. Kawalan kepada terminal khas termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan kepada masa penggunaan, had akses ke port dan *ip address* dan sebagainya.
- 6.3.1.4 Pelaksana ICT perlu membuat pemantauan terhadap terminal khas. Pemantauan terhadap terminal khas termasuk tetapi tidak terhad kepada pemantauan secara langsung kepada terminal khas semasa pihak ketiga membuat kerja-kerja *remote*, pemantauan log terminal khas dan sebagainya.
- 6.3.1.5 Pelaksana ICT perlu mendapatkan kelulusan dari ICTSO melalui apa-apa medium yang berkaitan seperti emel, memo dan lain-lain.
- 6.3.1.6 Pelaksana ICT perlu menyatakan maklumat syarikat, tujuan dan tempoh penggunaan di dalam emel tersebut.
- 6.3.1.7 Tempoh masa yang ditetapkan adalah maksimum 5 hari sahaja. Jika melebihi 5 hari, ia tertakluk kelulusan ICTSO.



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS


6.3.2 Tanggungjawab Pihak Ketiga

- 6.3.2.1 Pihak ketiga perlu mematuhi dasar dan polisi yang berkaitan untuk bekerja di UMPSA dengan merujuk kepada panduan yang diberikan oleh pelaksana ICT yang bertanggungjawab.
- 6.3.2.2 Pihak ketiga perlu memasang perisian *remote* pada laptop atau pc bagi membolehkan capaian secara *remote* di buat ke terminal khas di dalam UMPSA.



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS

7.0 CARTA ALIR PENGURUSAN AKAUN VPN



**PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS****8.0 LAMPIRAN****8.1** Borang Permohonan Akaun VPN & Remote Access**9.0 REKOD PINDAAN DOKUMEN**

Versi	Tarikh	Keterangan	Penulis
1.0	19/09/2021	Keluaran pertama prosedur pengurusan akaun VPN di UMP	Wan Mohd Hafiz Bin Wan Harun
2.0	19/09/2021	<ul style="list-style-type: none">i. Rujukan di ubah dari DKICT kepada PKSii. Penyelarasan definisi mengikut PKSiii. Kelayakan VPN dalam item 5.0 dihadkan kepada pelaksana UMPSA sahajaiv. Capaian oleh staf berkeperluan khas item 6.3 telah dikeluarkanv. Capaian oleh pihak ketiga item 6.3.1.7 telah dihadkan kepada 5 hari dan jika memerlukan tempoh yang lebih lama perlu mohon kepada ICTSO dalam item 6.3.1.8	Wan Mohd Hafiz Bin Wan Harun
3.0	08/08/2023	Pengemaskinian dokumen (Logo & Nama) selaras penjenamaan UMP kepada UMPSA.	Penyelaras ISMS UMPSA
4.0	13/10/2023	Perkataan <i>Internet Access Management</i> dikeluarkan dan perkataan perkakasan pengurusan keselamatan internet di ubah kepada	Wan Mohd Hafiz Bin Wan Harun



UMPSA-ISMS-P2-023



PROSEDUR PENGURUSAN VPN & REMOTE ACCESS

		perkakasan keselamatan internet pada item 6.3.1.5	
5.0	16/10/2024	Perubahan merujuk keperluan Standard ISO/IEC 27001:2022	Wan Mohd Hafiz Bin Wan Harun
6.0	21/04/2025	Perubahan Prosedur kepada perkara berikut: <ol style="list-style-type: none">1. Tajuk ditukarkan kepada “Prosedur Pegurusan VPN & Remote Access”2. Kemaskini dan penambahan definisi dalam perkara 4.0 (Pengurus ICT, Pentadbir Rangkaian UMP SA)3. Kemaskini proses permohonan didalam perkara 6.0	Muhamad Badrulisham bin Md Desa